

CNS1240

R GB 31-08 00151 BC125

bah

Mahathir - Majalah

SARAWAK BERPOTENSI JADI NEGERI INDUSTRI, KATA PERDANA MENTERI

I

KUCHING, 31 Ogos (Bernama) -- Sarawak berpotensi menjadi negeri industri pada masa depan dengan menawarkan peluang-peluang pelaburan yang menarik kepada pelabur asing, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, Sarawak mempunyai tanah, modal, sumber asli dan tenaga pekerja yang murah dan faktor ini memberi kelebihan kepada negeri itu.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan terbitan khas majalah "Newsweek International" yang memuatkan edisi tambahan setebal lapan muka mengenai Sarawak di sini.

Beliau berkata, melalui pengurusan yang cekap, Sarawak boleh membangun dengan pesat walaupun ketinggalan dalam sektor perindustrian jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung.

Beliau juga berkata langkah yang diambil oleh majalah itu dapat mengharumkan imej Sarawak dan membetulkan laporan negatif oleh sesetengah wartawan asing mengenai penebangan hutan di negeri itu. -- lagi

▼31/08/21-20MS1

R GB 31-08 00067 BC126

bah

Mahathir - Majalah 2 (akhir) Kuching

Dr Mahathir berkata Malaysia, terutama mengamalkan dasar pengurusan hutan yang sempurna bagi memelihara alam semulajadi terutama hutan hujan dan haiwan yang dilindungi.

"Kalangan asing patut datang ke negeri ini dan lihat sendiri apa yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memelihara alam semulajadi," kata beliau. -- Bernama

RIM JK PAZ